

Hudud: Mahathir kecewa Nik Aziz nak guna samseng

ZAINUDDIN MAIDIN

MELAPORKAN DARI
BANDAR RAYA HO CHI MINH

BANDAR RAYA HO CHI MINH 23 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan amat kecewa terhadap Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz Nik Mat yang hendak menggunakan samseng (gedebe) bagi menjalankan hukuman hudud ke atas orang-orang Islam di Kelantan.

"Saya tergamam bila membaca kenyataan ini yang datangnya dari seorang yang menganggap dirinya sebagai seorang ulama dan tok guru," kata Dr. Mahathir sambil bertanya apakah ini fahaman Nik Aziz tentang menjalankan hukum-hukum Islam?

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi Bukit Payong yang telah menolak 'permainan hukum hudud dan isu raja' di dalam pilihan raya kecil di kawasan mereka.

"Penduduk-penduduk di situ mempunyai pengalaman luas di dalam politik tidak mudah untuk dipengaruhi oleh

sentimen agama yang dimainkan oleh Pas," katanya.

Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa kemenangan Barisan Nasional di dalam pilihan raya itu adalah oleh kerana pengundi-pengundi tidak lagi dapat disekat keluar membuang undi kerana adanya kawalan keselamatan yang rapi.

Di dalam pilihan raya umum yang lalu, ramai pengundi telah dapat disekat dari keluar membuang undi kerana anggota-anggota polis tidak mahu bertindak untuk menegakkan dari berlakunya kejadian yang tidak diinginkan.

Bagaimanapun oleh kerana kali ini merupakan pilihan raya kecil, maka ramai anggota polis dapat ditempatkan di situ supaya setiap pengundi dapat membuang undi, katanya.

Dr. Mahathir mengucapkan

tahniah kepada Menteri Besar Terengganu dan kepada semua anggota parti yang telah bertungkus lumus bekerja bagi memastikan kemenangan BN di Bukit Payong itu.

"Percubaan Pas untuk menggunakan isu raja dan hudud telah gagal dan tidak berkesan," ujarnya.

Bagaimanapun Dr. Mahathir amat kecewa sekali dengan sikap Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz hingga sanggup menggunakan 'gedebe' bagi memotong tangan dan kepala orang-orang Islam yang didapati bersalah di bawah hukum hudud.

"Nampaknya dia tidak khuatir langsung untuk menggunakan samseng bagi melaksanakan hukum Islam," ujarnya.

Mahathir juga menyifatkan

Nik Aziz sebagai bersikap sombong dan takbur apabila menuhuh beliau tidak faham hukum Islam dan 'seolah-olah menunjukkan beliau sahaja yang tahu semua tentang Islam.

"Saya sendiri mengakui bahawa pengetahuan saya bukanlah 100 peratus di dalam bidang tertentu malah ada orang yang lebih tahu daripada saya.

Nik Aziz juga tidak tahu semua tentang Islam, ada buku yang saya baca dia tidak mampu baca. Maka itu adalah satu keangkuhan yang sepatutnya tidak datang dari seorang yang mengaku dirinya sebagai ulama untuk menunjukkan dia tahu semua," katanya.

Dr. Mahathir juga menasihatkan agar "kita sebagai orang Melayu dan Islam hendaklah cakap berlapik, jangan angkuh dan kalau kita tahupun biarlah kita merendah diri, apatah lagi kalau kita seorang yang mendakwa diri sebagai ulama dan tok guru".